

SAMBAR ASIA
Asian Brown Flycatcher

FAMILI: Muscicapidae
NAMA SAINTIFIK: *Muscicapa dauurica*



CIRI-CIRI

Bagi individu dewasa, bahagian atas badan berwarna coklat kekelabuan manakala bahagian bawah badan termasuk bahagian bawah ekor yang berwarna putih. Bahagian atas dada pula berwarna coklat kekelabuan di mana terdapat jalur-jalur halus yang kurang jelas kelihatan. Pada sekeliling bahagian mata terdapat jalur yang berwarna putih dan satu jalur pudar merentasi bahagian mata. Bahagian hujung dan sisi sayap pula berwarna kelabu pudar. Bagi individu juvenil pula, ia lebih menyerupai spesies Sambar Sibiria, *Muscicapa sibirica*, tetapi bahagian atas sayap adakah lebih gelap dan terdapat bintik-bintik pudar dan jalur-jalur hitam pada bahagian sayap dan bahagian dada.

SAIZ

Burung ini mempunyai saiz di antara 13-13.5 sm.

MAKANAN

Makanan utama spesies ini terdiri daripada serangga-serangga kecil.

HABITAT

Burung ini boleh dijumpai di kawasan hutan terbuka, hutan sekunder, kawasan pertanian, kawasan taman dan kawasan hutan paya bakau pada ketinggian sehingga ke 1,500 m dari aras laut. Semasa musim membiak, ia boleh ditemui di kawasan hutan terbuka pada ketinggian di antara 600 hingga 1,400 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi seakan-akan bunyi Sambar Sibiria, *Muscicapa sibirica*, tetapi lebih kuat iaitu 2-3 nota bunyi yang kuat. Bunyi yang dihasilkan termasuklah bunyi *tse-ti-ti-ti-ti*, *sit-it-it-it* yang tinggi serta bunyi *tzi* yang halus dan pendek.

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah dari bulan April-Jun setiap tahun di mana sarang dibina berbentuk seperti cawan di atas dahan pokok pada ketinggian di antara 2-9 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 2-4 biji berwarna kuning langsung kekelabuan serta terdapat bintik-bintik berwarna kuning coklat. Telur ini berukuran di antara 17.4x13.1 mm secara purata.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.